



MAKLUMAT PROGRAM PENGAJIAN

1. Nama Program: **IJAZAH SARJANA DAKWAH DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI (N/221/7/0207)**
2. Kod Program: **MT09**
3. Kelulusan Pengendalian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM):
 - (a). Nombor Surat Jabatan Pendidikan Swasta (JPS): JPT/BPP (U)1000-801/64/Jld.7(9)
 - (b). Tarikh Surat Kelulusan: 17 Mei 2017
 - (c). Tarikh Tamat Kelulusan: 16 Mei 2022
4. Perakuan Akreditasi oleh Malaysian Qualification Agency (MQA):
 - (a). Nombor Pendaftaran MQA: MQA/PA 8602
5. Fakulti dan Jabatan yang Menawarkan Program:
 - (a). Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)
 - (b). Jabatan Dakwah dan Usuluddin
 - (c). Alamat Laman Web: <http://www.kuis.edu.my/fppi/>
6. Jenis Pengajian :
 - Sepenuh Masa (Full Time) dan Separuh Masa (Part Time)Mode Pengajian :
 - Penyelidikan
7. Bahasa Pengantar Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P):
 - Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
8. Tempoh Pengajian:
 - (i). Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): 4 Semester (2 Tahun)
 - (ii). Pengajian Separuh Masa (Part Time): 6 Semester (3 Tahun)

Setiap semester mengandungi 14 minggu kuliah, 1 minggu ulangkaji dan 1 minggu peperiksaan akhir semester. Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk mengetahui takwim akademik semasa (rujuk menu utama Pelajar dan klik pada sub menu Takwim Akademik).
9. Waktu Perkuliahan (Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran – P&P):
 - (a). Secara umumnya, KUIS membenarkan aktiviti perkuliahan dilaksanakan pada Isnin hingga Jumaat, diantara jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam.
 - (b). Bagaimanapun, bagi program Sarjana Secara Kerja Kursus, waktu kuliah ialah dari jam 6:00 petang hingga 9:30 malam (rehat/ solat Maghrib antara jam 7:30 hingga 8:00 malam). Susunan jadual perkuliahan adalah mengikut ketetapan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) KUIS.





10. Syarat Kelayakan Masuk:

- Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dalam bidang Pengajian Islam atau yang setaraf dengan PNGK minimum 2.75 daripada 4.00.
- Calon-calon dengan PNGK antara 2.50 dan 2.75 boleh diterima masuk sebagai kes rayuan adalah berdasarkan justifikasi tertentu.
- Pemegang Ijazah bidang lain yang tidak mempunyai kelayakan formal Pengajian Islam boleh diterima dengan syarat lulus peperiksaan kelayakan yang mengesahkan tahap latar belakang pengetahuan yang mencukupi. Peperiksaan ini merangkumi penilaian bertulis dan lisan (termasuk temuduga).

Kelayakan Kemasukan Pelajar Antarabangsa

Calon antarabangsa dikehendaki memenuhi keperluan Bahasa Inggeris, dengan skor minimum 550 bagi *Test of English as a Foreign Language*(TOEFL) ATAU skor 5.5 bagi International English Language Testing System (IELTS)

11. Hasil Pembelajaran Program: Di akhir program ini graduan berupaya untuk

- i. Menjelaskan keaslian kajian secara analitikal dan kritikal berdasarkan konsep teori dan metodologi kajian dalam dakwah dan pembangunan komuniti yang melibatkan semua pihak terutamanya masyarakat dalam memperbaiki taraf hidup dan kualiti kehidupan.
- ii. Menganalisa pengetahuan secara kritikal untuk mengurus dan menyelesaikan isu-isu dalam bidang dakwah dan pembangunan komuniti berdasarkan teknik dan kemahiran praktikal.
- iii. Mempelbagaikan kemahiran penyelidikan berdasarkan kemahiran secara praktikal serta penggunaan teknik yang bersesuaian.
- iv. Menyelesaikan tugas dalam pengajian dakwah dan pembangunan komuniti sama ada Muslim atau Non Muslim yang bersifat semasa.
- v. Mempamerkan dengan jelas dalam menyampaikan idea dan dapatan kajian bagi bidang dakwah dan pembangunan komuniti daripada pelbagai pihak.
- vi. Menggunakan teknologi digital yang bersesuaian dalam penyelidikan.
- vii. Menggunakan kemahiran dalam menjalankan kajian berbentuk kualitatif, kuantitatif dan statistik.
- viii. Menggunakan autonomi yang signifikan, sendiri, kepimpinan dan kemahiran interpersonal dalam bidang kerjaya dan pembelajaran.
- ix. Mengamalkan membangun kemahiran akademik profesional dan sahsiah secara berterusan.
- x. Mencadangkan penyelesaian terhadap isu-isu semasa berkaitan bidang dakwah dan pembangunan komuniti sama ada Muslim atau Non Muslim.
- xi. Mempamerkan keyakinan dalam memberi nasihat dalam membuat keputusan bagi isu-isu yang kompleks dan kritikal.

12. Jumlah Nilai Kredit Keseluruhan Program: Tiada jam kredit.

Panjang penulisan tesis adalah 30,000-60,000 patah perkataan. Prasyarat mengambil kursus Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam.





13. Bilangan Kursus dalam Program: 2 kursus yang terdiri daripada:

Bil.	Klasifikasi Kursus	Bilangan Kursus	Nilai Kredit	Peratus Kredit
1.	Wajib Fakulti	1	0	0
2.	Teras Major	1	0	0
JUMLAH		2	0	0%

14A. Struktur Program Sepenuh Masa (Full Time):

Semester 1

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMAI 6010	METODOLOGI PENYELIDIKAN PENGAJIAN ISLAM	0	L/G	WAJIB FAKULTI
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 2

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 3

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	PENULISAN TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 4

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	PENULISAN TESIS	0	L/G	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		



14B. Struktur Program Separuh Masa (Part Time):

Semester 1

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMAI 6010	METODOLOGI PENYELIDIKAN PENGAJIAN ISLAM	0	L/G	WAJIB FAKULTI
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 2

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 3

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 4

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 5

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	SM	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		

Semester 6

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Nilai Kredit	Gred Lulus	Klasifikasi Kursus
1.	IMIK 6010	TESIS	0	L/G	TERAS MAJOR
JUMLAH NILAI KREDIT			0		



15. Prospek Kerjaya: Setelah tamat pengajian, pelajar berkecayaan untuk:

Para graduan yang telah mengikuti program ini mempunyai peluang mengisi jawatan sebagai ahli akademik, pensyarah mahupun penyelidik di IPT awam mahupun swasta, di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri, Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, serta badan-badan lain yang berkaitan.

16. Prospek Melanjutkan Pengajian ke Peringkat Lebih Tinggi:

(a). Layak melanjutkan pelajaran di mana-mana IPT dalam atau luar negara untuk program Doktor Falsafah (Ph.D).

(b). KUIS juga menyediakan peluang melanjutkan pengajian ke program berikut:

- i. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pengajian Bahasa Arab;
- ii. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Islamiyyat;
- iii. Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Pendidikan;
- iv. Lain-lain program ijazah PhD KUIS yang bersesuaian.

17. Kemudahan Kediaman dan Penempatan Pelajar:

- KUIS tidak menyediakan kemudahan asrama penginapan untuk pelajar pasca siswazah (Sarjana/ PhD).

18. Anggaran Yuran Keseluruhan Program:

(a). Pelajar **Warganegara Malaysia** :

- i. Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): RM **8,860.00**
- ii. Pengajian Separuh Masa (Part Time): RM **12,360.00**

(b). Pelajar **Antarabangsa** : Pengajian Sepenuh Masa (Full Time): RM **14,430.00**

19. Pecahan Anggaran Yuran Program mengikut Kategori:

Bil.	Kategori Yuran	Anggaran Yuran (RM)		
		Warganegara Malaysia		Pelajar Antarabangsa
		Sepenuh Masa	Separuh Masa	
*1.	Yuran Pendaftaran	1,000.00	1,000.00	1,150.00
2.	Yuran Kemudahan & Kebajikan	1,000.00	1,500.00	920.00
3.	Yuran Pengajian	5,010.00	8,010.00	6,510.00
4.	Yuran Pemeriksaan Tesis & Peperiksaan Lisan	1,500.00	1,500.00	2,000.00
5.	Yuran Perkembangan & Pengendalian Akademik	-	-	3,500.00
6.	Yuran Graduasi	350.00	350.00	350.00
JUMLAH KESELURUHAN		8,860.00	12,360.00	14,430.00

- **Bil bertanda * hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada hari pendaftaran.**

Sila rujuk **Lampiran I – Maklumat Lanjut Anggaran Yuran Program (Pasca Siswazah)**

20. Sumber/ Jenis Pembiayaan Pengajian Tinggi:

- Tiada pembiayaan ditawarkan oleh mana-mana agensi bagi program pasca siswazah (Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah).



21. Saluran Komunikasi/ Perhubungan:

KUIS sentiasa mengalu-alukan komunikasi dua hala dengan calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja dan orang ramai. Berikut ialah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan dan/ atau permohonan maklumat yang berkaitan:

Nombor telefon utama KUIS ialah: **03-8911 7000**

Bil.	Perkara/ Pertanyaan Berkaitan	Nama Pegawai Perhubungan	No. Samb. Telefon	Alamat E-mel
1.	Program pengajian dan kursus/ subjek	Dr. Nurzatil Ismah Azizan (Ketua Pascasiswazah)	4332	nurzatil@kuis.edu.my
2.	Permohonan, penawaran dan pendaftaran	Pn. Siti Zulaiha binti Ahmad Sukar Pn. Siti Nirwana binti Johar Cik Siti Noraisah Binti Abd Razak	1421 1418 1418	admission@kuis.edu.my
3.	Yuran program pengajian	En. Mohamad Azrin Bin Ahmad En. Junaidi Bin Affandi Pn. Hasfazila Binti Hashim En. Iskandar bin Sajuddin	3399 3335 3332 3332	bhkp@kuis.edu.my
4.	Pembiayaan pengajian tinggi	Pn. Faridah Sabli Pn. Junizah Mardianah Jaafar	1433 3337	faridah@kuis.edu.my junizah@kuis.edu.my
5.	Kediaman dan penempatan (termasuk yuran asrama)	Pn. Raja Nor Ashikin binti Raja Ramli Abdul Wafi bin Mohd Haidar	3203 3206	shiqin@kuis.edu.my abdulwafi@kuis.edu.my

23. Pandangan/ Pendapat Alumni KUIS:

Sila layari laman web KUIS di www.kuis.edu.my untuk membaca testimonial graduan/ alumni mengenai KUIS (rujuk menu utama **Alumni** dan klik pada sub menu **Testimonial Alumni**).





LAMPIRAN I
MAKLUMAT LANJUT ANGGARAN YURAN PROGRAM (PASCA SISWAZAH)

1. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS adalah merangkumi pelbagai bentuk yuran seperti berikut:
 - i. **Yuran Pendaftaran** RM1,000.00 (pelajar warganegara Malaysia) atau RM1,150.00 (pelajar antarabangsa) dijelaskan sekali sahaja iaitu sebelum atau pada Hari Pendaftaran Pelajar Baharu KUIS. Ini adalah yuran pertama yang dijelaskan oleh pelajar.
 - ii. **Yuran Kemudahan dan Kebajikan** berkaitan pelbagai perkhidmatan/ kemudahan di KUIS yang perlu dijelaskan pada setiap semester adalah sebanyak RM250.00 (Pelajar Warganegara Malaysia) / RM230.00 (Pelajar Antarabangsa) merangkumi Takaful Pelajar (Pelajar Tempatan sekali setiap tahun), Tabung Infaq/ Kebajikan Pelajar, Yuran Perpustakaan, Yuran Makmal Komputer dan Yuran Aktiviti Pelajar. Bagi Pelajar Antarabangsa akan menjelaskan takaful yang diuruskan melalui pihak Education Malaysia Global Services.
 - iii. **Yuran Pengajian dan Penilaian** tertakluk kepada peringkat program pengajian yang diikuti (asasi/ diploma/ sarjana muda/ sarjana/ doktor falsafah), bilangan keseluruhan kursus dan jumlah nilai kredit yang perlu didaftarkan. Kadar yuran ini boleh berbeza diantara satu sesiambilan pelajar ke satu sesiambilan pelajar yang lain tertakluk kepada kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
 - iv. **Yuran Pemeriksaan Tesis & Peperiksaan Lisan** berkaitan kadar yuran disertasi/viva RM1,500.00 (pelajar warganegara Malaysia) dan RM2,000.00 (pelajar antarabangsa).
 - v. **Yuran Graduasi** sebanyak RM350.00 akan dijelaskan oleh pelajar setelah berjaya menamatkan pengajian. Yuran ini perlu dijelaskan sebelum tarikh Majlis Konvokesyen KUIS. Ini adalah yuran terakhir yang akan dijelaskan oleh pelajar.
2. Anggaran yuran keseluruhan program akademik KUIS dan juga anggaran jumlah pinjaman PTPTN (untuk **Warganegara Malaysia** sahaja) atau Tabung Tajaan Khas KUIS (TKK) dalam dokumen Maklumat Program ini disediakan sebagai panduan umum kepada calon/ bakal pelajar serta ibu bapa yang berminat menyambung pengajian di KUIS. Jumlah sebenar yuran yang dikenakan tidak semestinya tepat/ sama dengan jumlah anggaran yang diberikan. Berikut disenaraikan beberapa perkara yang akan menyebabkan jumlah sebenar Yuran Keseluruhan berbeza dari jumlah anggaran:
 - i. **Jumlah nilai kredit kursus yang didaftarkan** - ada pelajar mendapat pengecualian dari mengambil kursus-kursus tertentu. Perkara ini akan menyebabkan nilai kredit berkurangan jika dibandingkan dengan pelajar yang mengambil keseluruhan kursus dalam program pengajian.
 - ii. **Ulang kursus** - pelajar yang gagal dalam kursus tertentu perlu mengulang kursus tersebut. Perkara ini menyebabkan pelajar perlu menjelaskan yuran pengajian dan peperiksaan buat kali kedua.
 - iii. **Pelajar menukar program pengajian** - setiap program pengajian mempunyai jumlah kredit tertentu dan berbeza dari program yang lain. Pertukaran program akan menyebabkan jumlah kredit bertambah atau berkurang dan pastinya memberi kesan kepada Yuran Pengajian. Pelajar dinasihatkan untuk memilih program pengajian dengan berhati-hati agar tidak perlu menukar program.
 - iv. **Diskaun Yuran Pendaftaran Pelajar Baharu 50%** - diberikan khusus kepada Alumni KUIS yang menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi di KUIS.
3. Pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) membenarkan pengeluaran Akaun 2 untuk membiayai pengajian anak/ tanggungan yang belajar di KUIS. Sila rujuk Seksyen Pengurusan Pengajian Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) KUIS untuk maklumat lanjut mengenai proses pengeluaran.
4. Bagi pelajar berdaftar KUIS, penyata kewangan yang dikeluarkan oleh Bahagian Hasil dan Kewangan Pelajar (BHKP) adalah dokumen muktamat berkaitan jumlah sebenar yuran keseluruhan pengajian pada setiap semester.





NOTIS PENTING/ PENAFIAN (DISCLAIMER)

1. Dokumen Maklumat Program Pengajian (berserta Lampiran-lampiran) disediakan secara *bona fide* sebagai panduan umum kepada pihak yang berkepentingan dengan peluang melanjutkan pengajian tinggi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), contohnya calon pelajar, ibu bapa, penjaga, penaja pengajian dan sebagainya.
2. Semua data dan/ atau maklumat yang terdapat dalam dokumen ini adalah betul pada masa dimuat naik ke laman web KUIS. Bagaimanapun, pihak KUIS berhak meminda sebarang data dan/ atau maklumat tanpa sebarang notis pada bila-bila masa mengikut keperluan dari semasa ke semasa.
3. Pihak yang berkepentingan adalah dicadangkan untuk mengambil sikap berhati-hati dan pro-aktif dengan menghubungi KUIS melalui telefon atau e-mel bagi mendapatkan data dan/ atau maklumat lanjut yang terkini.
4. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan, kerugian dan/ atau sebagainya yang disebabkan oleh penggunaan sebarang data dan/ atau maklumat yang diperolehi dari dokumen Maklumat Program Pengajian ini.
5. Tarikh terakhir dokumen dikemas kini: **31 MEI 2021**